

PENGGUNAAN STRATEGI METAKOGNITIF DALAM PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA TEKS KARANGAN BAHASA MELAYU MURID SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI PEKAN BERANANG

Ruzanita Sarman,¹ Azhar Md Sabil,²
Shamsudin Othman,³ dan Rozita Radhiah Said⁴

Abstrak

Kemahiran membaca untuk memahami teks merupakan matlamat utama bagi memperoleh ilmu pengetahuan dan merupakan kunci kejayaan bagi seseorang individu. Malah, dalam pembelajaran kemahiran membaca bahasa Melayu, aspek yang perlu diberi tumpuan adalah aspek pemahaman perlu dikuasai oleh murid untuk mencapai kejayaan dalam membaca. Kajian ini bertujuan mengenal pasti penggunaan strategi metakognitif yang digunakan oleh murid melalui tiga proses kemahiran membaca (sebelum, semasa, dan selepas membaca). Melalui sorotan kajian yang diperoleh dapat membuktikan bahawa pentingnya menerapkan strategi metakognitif dalam kemahiran membaca untuk meningkatkan pemahaman pembelajaran ke tahap yang lebih baik. Strategi metakognitif ini wajar dilaksanakan dan diberi keutamaan dalam pemahaman dan pembacaan kerana boleh melahirkan murid yang berfikir dan memainkan peranan yang penting dalam proses-proses pembelajaran. Kaedah pemerhatian dan temu bual digunakan untuk mengumpul data dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Enam orang murid sebagai peserta kajian terdiri daripada murid tahun empat yang berprestasi sederhana dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa murid tidak menggunakan strategi membaca yang betul untuk memahami teks. Selain itu, murid juga tidak mengetahui terdapat strategi kemahiran membaca yang betul bagi memudahkan pemahaman teks. Setelah diberi pendedahan menggunakan

¹ Ruzanita Sarman adalah alumni Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, dan guru di Sekolah Rendah Agama Integrasi, Jabatan Agama Islam Selangor, Pekan Beranang. E-mel: izaneryna74@gmail.com

² Azhar Md Sabil, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. E-mel: azhar.sabil@upm.edu.my.

³ Shamsudin Othman, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. E-mel: s_shamsudin@upm.edu.my.

⁴ Rozita Radhiah Said, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. E-mel: radhiahrozita@upm.edu.my.

teknik strategi membaca secara metakognitif, strategi metakognitif ini dapat membantu murid memahami teks dengan mudah. Oleh itu, penggunaan strategi metakognitif terhadap pengajaran pemahaman membaca dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap teks bacaan.

Kata kunci: strategi metakognitif, kemahiran membaca, merancang, memantau, menilai

THE USE OF METACOGNITIVE STRATEGIES IN LEARNING THE READING SKILLS OF MALAY LANGUAGE ESSAYS AT A PRIMARY INTEGRATED RELIGIOUS SCHOOL IN PEKAN BERANANG

Abstract

Reading comprehension is not only crucial in the attainment of knowledge, but it is also the key for students' success. Therefore, the aspects that need to be emphasized in acquiring the skills of reading are understanding and comprehending. Students need to be guided in learning the reading skills in order to succeed. This research is to identify the metacognitive strategies that have been used by the students using three processes of reading skills (pre, while and post). The review of the literature has substantiated the importance of adopting strategic metacognitive reading skills to enhance learning and understanding in a much better way. Metacognitive strategies should be implemented in comprehension and reading skills because they generate students' critical thinking and play an important role in learning. Observation and interview methods were used to collect data and the data were then analyzed using descriptive statistics. There were six respondents in this research who were among year four students at intermediate level of Bahasa Melayu subject. The outcome of the research shows that the students had not been using the correct strategy in reading texts. Besides that, they were unaware that there were correct reading skills in comprehending texts. After the exposure to the new reading technique using metacognitive strategies, the students were able to read more easily than before. In brief, the use of metacognitive strategies towards learning and reading comprehension was able to increase students' reading comprehension skills.

Keywords: *metacognitive strategies, reading skills, planning, monitoring, evaluation*

Pendahuluan

Membaca adalah kemahiran bahasa yang penting dan perlu dikuasai oleh murid agar dapat meneroka bidang ilmu dengan lebih luas. Penggunaan strategi kemahiran membaca banyak membantu pelajar memahami teks yang dibaca. Manakala Zamri dan Mohamed Amin Embi serta Zamri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi, Parilah dan Aliza, mendefinisikan strategi kemahiran membaca sebagai cara-cara yang digunakan untuk memahami, memproses dan menganalisis sesuatu bahan atau teks yang dibaca. Dengan menggunakan pelbagai strategi membaca, sesuatu bahan atau teks yang dibaca tersebut mudah difahami seterusnya diungkapkan dalam bentuk pertuturan ataupun penulisan.

Membaca juga merupakan salah satu cara untuk kita menguasai sesuatu ilmu. Semakin banyak kita membaca, semakin bertambah ilmu yang kita peroleh. Malah, cara seseorang itu berkomunikasi dan cara berfikir berbeza mengikut apa yang mereka baca dan faham. Semasa membaca seseorang itu perlu memahami isi yang ingin disampaikan oleh penulis, barulah apa yang dimaksudkan dengan membaca itu memberi kesan kepada pembaca. Aktiviti membaca dapat menjadikan individu celik dalam bidang ilmu yang diceburinya. Secara tidak langsung, kebolehan membaca membuka seluas-luasnya pintu masuk ke alam pengetahuan. Islam sendiri meletakkan kepentingan membaca secara jelas apabila ayat pertama diwahyukan kepada manusia agar mencari ilmu melalui kaedah membaca. Perkataan *Iqra'* dalam surah *al-'Alaq* yang bermaksud (bacalah)⁵ telah diulang sebanyak tiga kali. Ini menunjukkan bahawa melalui kaedah membaca seseorang dapat melihat alam ini sebagai satu ciptaan Allah yang penuh dengan pelbagai makna yang dapat menjadikan sebagai seseorang yang berpengetahuan.

Kemahiran membaca menurut Radha, Noraini dan Pramela, merupakan aktiviti persendirian yang lazimnya berlaku di dalam

⁵ Terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan *Al-Quran Al-Karim Rasm Uthmani, terjemahan Bahasa Melayu Beserta Keterangan Ayat* (Ipoh, Perak: Buku-buku, 2010).

minda seseorang pembaca⁶. Membaca juga ialah satu proses kognitif yang penting untuk menentukan keberkesanan proses membaca. Proses membaca diibaratkan sebagai pengembangan yang dilalui seorang pembaca dalam sebuah teks yang dibaca. Oleh yang demikian, pembacaan yang sebenarnya adalah proses yang dinamik memerlukan komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dan penulis. Sehubungan itu, untuk memahami proses membaca, peranan metakognitif merupakan proses berkaitan strategi yang digunakan untuk mengawal dan memahami bacaan.

Meta dalam Bahasa Greek bermaksud ‘apa-apa sahaja yang dapat dirangkumi’. Meta juga dimaksudkan sebagai segala yang di luar, lebih abstrak, dan pemahaman lebih tinggi. Kognitif pula merujuk pada proses mental, berfikir dan menaakul. Pengertian kognitif juga melibatkan proses minda seperti ‘pengalaman mengetahui’ dan ‘pengalaman perasaan’. Termasuk dalam huraiannya adalah pelbagai aktiviti seperti pembelajaran, pengajaran, pemikiran, peringatan, pertuturan, penggunaan bahasa, bacaan pemahaman dan sebagainya.

Oleh demikian, metakognitif dalam strategi membaca adalah kesedaran tentang apa yang diketahui dan apa yang tidak diketahui. Strategi metakognitif merujuk kepada cara untuk meningkatkan kesedaran mengenai proses berfikir dan pembelajaran yang berlaku. Apabila kesedaran ini wujud, seseorang dapat mengawal fikirannya dengan merancang, memantau dan menilai apa yang dipelajarinya. Oleh itu, pengertian yang sering dikaitkan dengan metakognitif adalah berfikir berkenaan berfikir, mengetahui ‘apa yang kita ketahui’ dan ‘apa yang kita tidak ketahui’. Di samping itu, metakognitif juga dikaitkan dengan tugas dalam berfikir adalah dengan mentadbirkan pemikirannya.

Kemahiran pembelajaran metakognitif seseorang adalah berbeza mengikut individu. Kemahiran ini bukan sahaja dipercayai secara semula jadi malah ia dijangkakan boleh dipercayai daripada pengalaman pembelajaran seseorang. Strategi ini dapat membantu pembaca membaca dengan lebih berkesan disamping dapat

⁶ Radha Nambiar, Noraini Ibrahim dan Pramela Krish, “Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Kalangan Pelajar Tingkatan,” *Jurnal Bangi* 2008), 3 (3): 1-17.

meningkatkan kefahaman murid terhadap teks yang dibaca. Dalam konteks proses membaca pula, pembaca dapat mengendalikan proses tersebut dengan mengambil kira aspek memfokus, merancang dan mengubah suai, dan menilai pembacaan. Oleh yang demikian, membaca merupakan proses yang aktif dan pembaca perlu menggunakan strategi yang sesuai bagi tujuan pemahaman.

Latar Belakang Kajian

Metakognitif berhubung dengan kesediaan dan kesedaran seseorang individu tentang apa-apa yang diketahui dan apa-apa yang tidak diketahui. Kesedaran metakognitif juga penting bagi membantu pembaca menguasai teks dengan baik serta dapat membantu kejayaan dalam proses pembelajaran.

Hasil pembelajaran yang optimum akan mudah dicapai jika seseorang individu mempunyai kesedaran metakognitif (Rosnah Ismail:⁷

Strategi kemahiran berfikir dalam proses pembelajaran. Justeru, apabila wujudnya kesedaran metakognitif merujuk kepada cara untuk meningkatkan itu, seseorang individu dapat mengawal fikirannya dengan merancang, melaksana, memantau dan menilai. Selain itu, metakognitif dapat ditafsirkan sebagai elemen yang mempunyai kaitan rapat dengan kesedaran seseorang tentang proses yang dilakukan semasa berfikir Brown. Menurut beliau, metakognitif adalah merupakan ilmu pengetahuan atau kesedaran yang terdapat kepada seseorang yang membolehkannya, sebagai murid, mengawal proses berfikir dan aktiviti pembelajaran yang dilakukannya. Hacker, berpendapat semakin banyak murid tahu tentang strategi belajar yang berkesan, semakin tinggi kesedaran metakognitif dan semakin tinggi pencapaian di dalam bilik darjah.

Menurut Beyer, dalam model '*Functional Thinking*' menyatakan dengan lebih jelas bahawa metakognitif adalah merangkumi kebolehan seseorang, merancang (*planning*), memantau (*monitoring*), dan menilai (*assessing*) satu keputusan atau idea yang hendak disampaikan. Beyer menjelaskan bahawa

⁷ Ismail Rosnah, "Kesan Pembelajaran Koperatif STAD ke atas Sikap, Kesedaran Metakognisi, Atribusi Pencapaian, dan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Pengetahuan Agama Islam (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016)

metakognitif di luar kebolehan berfikir (*cognition*) itu sendiri. Menurutny;

Metacognitive operations are applied to the strategies and skill used to produce meaning rather than directly to data and experience. Metacognition seek to control these meanings making operation to guide, to correct, to adjust and direct the selecting, sequencing, and executing of the cognitive operation by which one seek to make meaning.

Sehubungan itu, pendedahan tentang kesedaran metakognitif dalam pengajaran dan pembelajaran begitu penting untuk meningkatkan kemahiran metakognitif murid dalam pembelajaran. Sebagai contoh, dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, seperti membaca boleh dilakukan semasa pengajaran formal di dalam kelas. Costa, berpendapat bahawa strategi yang terarah kepada pembentukan metakognitif murid perlu digabungkan dalam kaedah pengajaran sama ada merentasi pengajaran bahasa mahupun bidang kandungan (*content area*). Melalui suatu kajian eksperimen Paris telah mendapati bahawa kesedaran metakognitif boleh ditingkatkan melalui pengajaran dalam kelas, dan kesedaran metakognitif yang baik boleh digunakan secara berkesan dalam strategi membaca.

Strategi metakognitif yang digunakan adalah mengulang bacaan, membuat andaian, mengandaikan maksud teks, membuat rujukan, melangkaukan ayat, mengemukakan soalan, dan merujuk soalan tugas. Strategi mengulang bacaan dilakukan oleh pembaca untuk tujuan memahami teks yang dibaca. Mengulang bacaan bermaksud untuk memahami kandungan teks yang dianggap sukar. Pembaca akan membaca ayat yang mengandungi perkataan sukar beberapa kali akibat tidak pernah mendengarnya ataupun tidak dijelaskan dalam ayat tersebut. Kesukaran memahami sesuatu fakta yang melibatkan istilah serta konsep memerlukan mereka mengaitkan dengan pengetahuan lalu. Pembaca akan membuat andaian berasaskan teks yang dibaca. Dengan cara ini, pembaca dapat membuat andaian maksud yang paling hampir berasaskan kesukaran yang dihadapi. Kebanyakan pembaca membuat andaian ketika membaca teks berbentuk naratif yang dapat memberi peluang kepada pembaca untuk menjangkakan kesudahan cerita.

Tinjauan Literatur Definisi Metakognitif

Metakognitif merupakan istilah yang penting diperkenalkan oleh Flavell⁸, berkaitan dalam bidang psikologi pendidikan dan merupakan satu komponen dalam pengajaran dan pembelajaran. Flavell membahagikan metakognitif kepada dua bahagian iaitu pengetahuan metakognitif dan pengalaman metakognitif. Pengetahuan metakognitif merujuk kepada diperolehnya pengetahuan tentang proses-proses kognitif, iaitu pengetahuan yang dapat digunakan untuk mengawal proses kognitif. Manakala, pengalaman metakognitif adalah proses-proses yang dapat diterapkan untuk mengawal aktiviti-aktiviti kognitif untuk mencapai tujuan kognitif.

Selain itu, menurut Beyer⁹, pelajar yang berjaya sebenarnya menggunakan strategi metakognitif. Strategi metakognitif merujuk kepada kesedaran dan cara untuk meningkatkan kemahiran membaca dalam proses pembelajaran. Apabila wujudnya kesedaran, seseorang individu dapat mengawal fikirannya dengan merancang, memantau, dan menilai.

1. Merancang: Proses ini berlaku sebelum pembelajaran. Proses ini memerlukan setiap individu meramal apa yang akan berlaku, memikirkan pengetahuan sedia ada tentang tugas, berfikir mengenai tugas, berfikir tujuan membaca dan cara terbaik untuk mencapai tujuan membaca.

2. Memantau: Proses ini berlaku semasa pembelajaran. Bertanya pada diri sendiri secara berulang sama ada memahami atau tidak perkara yang dipelajari.

3. Menilai: Proses selepas pembelajaran. Membuat penilaian sama ada telah mencapai tujuan membaca, menilai strategi yang digunakan sama ada membantu dalam pemahaman dan membuat keputusan untuk menggunakan strategi yang sama pada masa akan datang.

Keberkesanan penggunaan strategi metakognitif dalam pengajaran bacaan dan kefahaman banyak dibuktikan daripada beberapa kajian dari dalam dan luar negara. Menurut Eilers dan Pinkly, tujuan kajiannya adalah untuk menilai sebuah projek yang

⁸ Flavell J. H, *Metacognitive Aspect of Problem Solving*. In: Resnick, L. B. ed. *The Nature of Intelligence* (Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum, 1976), 231-235.

⁹ Barry K.. Beyer, *Practical Strategies for the Teaching of Thinking* (Boston: Allyn and Bacon, 1987).

mengamalkan pengajaran membaca dan memahami pelbagai jenis teks menggunakan beberapa strategi metakognitif yang melibatkan penggunaan pengetahuan lalu yang dikaitkan dengan teks bacaan, membuat andaian terhadap bahan yang dibaca, dan menyusun maklumat yang diperolehi daripada bahan bacaan. Kajian ini melibatkan 24 orang pelajar gred 1 yang terdiri daripada lima orang keturunan Ispanik, seorang pelajar sian/Pasifik Island dan 18 orang pelajar berkulit putih. Selepas Sembilan minggu kajian ini dijalankan, hasil ujian pemahaman mendapati pengajaran membaca menggunakan strategi metakognitif secara eksplisit dapat membantu meningkatkan prestasi pemahaman pelajar gred 1 dalam pelbagai jenis teks. Dapatan ini menunjukkan kepentingan menggunakan strategi metakognitif dalam pengajaran bacaan sewajarnya bermula dari peringkat awal lagi.

Caliskan dan Sunbul, mengkaji kesan penggunaan strategi metakognitif terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian eksperimen ini melibatkan pelajar gred 6 di dua buah sekolah rendah Turki. Seramai 42 orang pelajar dijadikan peserta kajian dan dibahagikan kepada dua buah kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Setiap kumpulan mengandungi seramai 21 orang pelajar. Pelajar-pelajar dalam kumpulan eksperimen yang didedahkan kepada penggunaan strategi metakognitif selama 15 minggu telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik berbanding kumpulan kawalan yang tidak diberi pendedahan pengajaran menggunakan strategi metakognitif. Kajian ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar kumpulan eksperimen dapat mengawal pembelajaran mereka sendiri dan lebih berkemahiran menggunakan strategi metakognitif yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

Kajian yang dijalankan Yahya Othman dan Dayang Raini¹⁰, menunjukkan penggunaan strategi metakognitif yang digunakan iaitu sebelum membaca, semasa membaca, dan selepas membaca dapat meningkatkan pemahaman murid terhadap teks bacaan.

Strategi metakognitif didapati berkesan untuk membantu murid memahami semua jenis teks. Hal ini terbukti dalam kajian

¹⁰ Yahya Othman dan Datang Raini Pakar, "Keberkesanan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Bacaan dan Kefahaman Menggunakan Teks Ekspositori," *Gema Online Journal of Language Studies* 13, (3) (2013), 133-148.

yang dijalankan oleh Nur Aisyah.¹¹ Kajian eksperimental kuasi yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji tahap kemahiran metakognitif pelajar tingkatan empat di lapan buah sekolah menengah kebangsaan dan agama di daerah Pasir Mas Kelantan yang melibatkan seramai 299 pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar memiliki kemahiran metakognitif yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu. Pelajar menggunakan kemahiran memantau, menilai dan regulasi ketika mempelajari bahasa Melayu. Dengan kesedaran kemahiran metakognitif yang tinggi, secara tidak langsung menarik minat pelajar untuk belajar bahasa Melayu dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian mereka.

Pernyataan Masalah

Membaca merupakan satu proses yang dikaitkan dengan perasaan ingin mengetahui sesuatu maklumat atau pengetahuan yang baharu. Membaca juga merupakan proses kognitif yang menekankan aspek pengecaman, membuat interpretasi, dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bertulis. Justeru itu, penguasaan kemahiran membaca semakin diberi perhatian serius pada tahun 2002 apabila statistik menunjukkan seramai 13,332 orang murid tahun 1 bermasalah dalam penguasaan kemahiran membaca dan memahami. Sekiranya masalah ini gagal ditangani akan meninggalkan kesan yang merugikan kepada Negara dalam jangka masa yang panjang. Seterusnya, fenomena permasalahan penguasaan kemahiran membaca ini semakin membimbangkan apabila terdapat 138,271 orang murid gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis. Murid ini hanya menguasai kemahiran asas mendengar dan bertutur sahaja serta menguasai kemahiran membaca tahap rendah sahaja iaitu sekadar mengenal huruf dan membaca suku kata.

Oleh yang demikian, kemahiran membaca untuk memahami sesuatu teks bukanlah satu perkara yang mudah dan bukan juga satu kemahiran yang semula jadi. Lantaran Kepentingan membaca dan kefahaman sesebuah teks adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai untuk menentukan kejayaan pembelajaran, keupayaan

¹¹ Nur Aisyah Mohamad, "Tahap Kemahiran Metakognitif Murid Tingkatan Empat dalam Pembelajaran Bahasa Melayu," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* JPBM4, no 1 (2014).

berfikir secara kritis dan kreatif, dan seterusnya dalam pencapaian akademik dan daya intelek seseorang individu. Kepentingan dan pengaruh penguasaan kemahiran ini sangat jelas dan terbukti dalam sistem pendidikan yang mementingkan pencapaian akademik sebagai ukuran kejayaan pendidikan seseorang individu. Murid yang mempunyai masalah dalam pemahaman bacaan akan menghadapi masalah dalam pembelajaran, menyebabkan keupayaan berfikir juga terhad, dan seterusnya mendapat tahap pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam pelajaran. Kamarul Shukri, menyatakan dengan menggunakan strategi metakognitif membolehkan pelajar mengawal proses pembelajaran bahasa melalui perancangan, penyusunan, dan penilaian. Strategi metakognitif ini sebagai pemangkin yang menjadikan pembelajaran lebih efisien dan meningkatkan prestasi dalam kemahiran membaca.

Pemahaman membaca sering dipengaruhi oleh faktor keberkesanan pengajaran guru¹². Dalam kajian yang dijalankan oleh Tamam Timbang, kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu yang tidak berkesan merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada permasalahan pelajar yang tidak boleh membaca dan memahami teks dengan berkesan. Kebanyakan guru Bahasa Melayu mengendalikan pengajaran bacaan dan pemahaman dengan memberi tumpuan kepada latihan menjawab soalan semata-mata. Guru sekadar meminta pelajar membaca petikan dan bersoal jawab berkaitan teks bacaan. Dalam hal ini, proses pengajaran pemahaman teks bacaan tidak dijalankan dengan berkesan.

Masalah ni bertambah kritikal apabila guru Bahasa Melayu tidak mendedahkan teknik serta strategi yang melibatkan pemahaman teks kepada pelajar. Hal ini juga disebabkan oleh kurangnya pengalaman dan pengetahuan terhadap strategi-strategi membaca yang memerlukan pelajar berfikir secara mendalam seperti menggunakan strategi metakognitif. Menurut Mahazan Arshad, akibat masalah ini, pengajaran pemahaman bacaan tidak menekankan kepada proses pemahaman yang mendalam. Pemahaman teks tidak hanya dengan cara menyebut dan memberi

¹² Yahya Othman, *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2005).

makna perkataan demi perkataan yang terkandung dalam bahan yang dibaca.

Pemahaman terhadap teks berlaku apabila pembaca dapat memahami akan maksud yang hendak disampaikan oleh penulis, menghubungkan maklumat yang dibaca dengan maklumat yang telah diketahui dan membuat aplikasi terhadap perkara yang telah dipelajari dengan pemahaman sebenar. Oleh itu, murid yang tidak didedahkan dengan teknik dan strategi membaca dan memahami teks bacaan yang berkesan, sukar untuk mengamalkan cara belajar membaca dan memahami kandungan teks dengan lebih berkesan.

Kemahiran membaca sangat penting dikuasai oleh murid-murid sekolah rendah untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran disamping meluaskan ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, kebolehan memproses kefahaman yang kurang baik ini mungkin disebabkan murid tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang cukup berkesan tentang strategi membaca yang betul. Kemungkinan juga murid-murid ada mempunyai serba sedikit pengetahuan strategi melalui pengalaman dan pembelajaran yang dilalui, tetapi tidak tahu cara menggunakan strategi tersebut dengan betul dan berkesan. Hal ini, menyebabkan kekurangan pengetahuan dan kemahiran menggunakan strategi, ditambah pula dengan masalah murid yang tidak ambil tahu tentang strategi metakognitif ini. Penggunaan strategi metakognitif akan membantu murid membuat perancangan, pemantauan, dan membuat penilaian serta hasil pencapaian pembelajaran mereka¹³.

Selain itu, murid yang mempunyai masalah dalam pemahaman bacaan akan menghadapi kesukaran ketika memproses maklumat yang terdapat dalam teks dan menyebabkan keupayaan berfikir juga terhad. Menurut, Abdul Rashid¹⁴ dan Tamam.¹⁵, menyatakan kegagalan murid dalam membaca dan menulis dengan baik dalam tugas yang dibuat dan juga

¹³ Surat Shahlan, "Keberkesanan Strategi 4-Meta dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 4" (Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012).

¹⁴ Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi Hamat, "Faktor dan Kesan Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1) (2011), 89-107.

¹⁵ Abdul Rasid Jamian, "Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1, no. 1 (Mei 2011), 1-12.

peperiksaan akan menyumbang kepada kegagalan mereka dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Murid gagal memantau, menilai, dan membuat regulasi tugas atau latihan yang dibuat sehingga menjejaskan pencapaian bahasa Melayu mereka.


Sehubungan itu, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian bagi menjelaskan tahap keberkesanan dan pencapaian murid dalam melaksanakan proses metakognitif iaitu proses merancang, memantau dan menilai hendaklah dilaksanakan untuk mendapatkan kefahaman yang menyeluruh tentang proses metakognitif dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Justeru, kajian lepas memberi lompang kepada pengkaji untuk memperkembangkan dan memperluaskan lagi kemahiran membaca secara metakognitif. Namun, kajian ini hanya menyentuh tentang kemahiran membaca secara metakognitif dalam teks karangan sahaja.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina berpandukan kepada teori metakognitif Beyer. Kerangka konseptual juga menjelaskan tentang gambar rajah yang menjadi pemboleh ubah yang dikaji dan kaitan antara pemboleh-pemboleh ubah tersebut. Menurut, Tuckman, model konseptual merupakan satu set cadangan perkaitan antara pemboleh ubah khusus. Biasanya cadangan tersebut berurutan daripada input, kepada proses dan seterusnya hasil. Sementara, tujuannya untuk meramal atau memperoleh hasil yang spesifik diperjelaskan. Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat penggunaan strategi metakognitif iaitu perancangan, pemantauan dan penilaian melalui pembelajaran kemahiran membaca pelbagai petikan teks karangan.

Sehubungan itu, kajian penggunaan strategi metakognitif terhadap pembelajaran kemahiran membaca pelbagai jenis teks menekankan pemilihan strategi metakognitif perancangan (sebelum membaca), pemantauan (semasa membaca), dan penilaian (selepas membaca). Dengan menggunakan strategi metakognitif dalam kemahiran membaca akan membantu murid meningkatkan pemahaman selepas membaca pelbagai petikan teks. Penggunaan pelbagai bahan bacaan yang menarik dan sesuai dengan tahap murid dapat membantu murid menguasai, memahami, menaakul dan menghayati pembacaan.

Rajah 1. Kerangka konseptual kajian



Rajah 1, menunjukkan penggunaan strategi metakognitif secara konstruktif sewaktu ketiga-tiga proses membaca dijalankan. Murid akan bertindak aktif ketika meramal dan membina soalan-soalan penerokaan sebelum proses membaca dimulakan. Semasa membaca petikan teks pula, murid akan terus berinteraksi secara aktif dengan meneliti perkataan-perkataan sukar, menghubungkan teks dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada serta menjawab soalan-soalan penerokaan. Manakala, selepas membaca murid akan memproses maklumat yang diperolehi daripada teks bacaan dengan membuat rumusan dan penilaian secara keseluruhannya terhadap idea-idea utama yang terdapat dalam teks. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat penggunaan strategi metakognitif yang digunakan ketika dalam proses pembelajaran membaca pelbagai petikan teks karangan. Selain itu, strategi metakognitif yang diterapkan dalam pembelajaran mampu

memberi kefahaman kandungan teks melalui kemahiran membaca pelbagai petikan teks yang bersesuaian dengan tahap kognitif peserta kajian.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini, objektif umum adalah untuk melihat sejauh mana penggunaan strategi metakognitif melalui kemahiran membaca teks karangan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu yang digunakan oleh murid tahun empat.

Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti penggunaan strategi metakognitif yang digunakan dalam kemahiran membaca petikan teks karangan bahasa Melayu.
2. Menghuraikan penggunaan strategi metakognitif berdasarkan kefahaman membaca petikan teks karangan bahasa Melayu.
3. Menganalisis penggunaan strategi metakognitif berdasarkan kefahaman membaca petikan teks karangan bahasa Melayu.

Metodologi dan Reka Bentuk Kajian

Kajian kes berbentuk kualitatif ini menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual dan analisis data bagi tujuan mendapatkan data. Pendekatan kualitatif yang mendasari kajian ini berdasarkan andaian bahawa makna atau realiti sesuatu fenomena adalah dibina secara sosial oleh para pelaku yang terlibat dalam fenomena yang dikaji. Setiap makna yang diperolehi dalam kajian kualitatif adalah bersifat holistik, pelbagai dimensi dan dinamik¹⁶. Oleh itu, reka bentuk kajian ini dipilih bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat secara lebih terperinci serta mendalam tentang penggunaan strategi metakognitif dalam kemahiran membaca petikan teks karangan bahasa Melayu.

Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti sama ada murid yang dikaji menggunakan strategi membaca secara metakognitif semasa proses membaca. Dalam penyelidikan kualitatif, temu bual merupakan strategi keseluruhan pengumpulan data kajian ataupun boleh merupakan salah satu daripada teknik yang digunakan dalam kajian.

¹⁶ Sharan B. Merriam, *Qualitative Research in Practice: Example for Discussion and Analysis* (San Francisco: Jossey-Bass, 2002).

Sehubungan itu, melalui pendekatan kualitatif, pengkaji dapat meneroka dan menyelidiki fenomena yang dikaji secara realiti dan menunjukkan keadaan sebenar yang berlaku dengan tepat. Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan maklumat tentang penggunaan strategi metakognitif dalam kemahiran membaca dalam keadaan realiti melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Penekanan pada maklumat dan situasi sebenar dalam kajian ini dianggap penting bagi memastikan maklumat dan data yang dikumpul dapat menggambarkan suatu fenomena yang berlaku di lokasi kajian. Dalam kajian ini, data diperoleh melalui temu bual, pemerhatian pembelajaran murid dan analisis dokumen. Temu bual dalam kajian ini menggunakan soalan temu bual semi berstruktur untuk membolehkan peserta membincangkan sesuatu perkara tetapi tidak lari daripada tajuk yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Data yang diperoleh melalui temu bual akan dikumpul, ditranskrip dan dianalisis. Pemerhatian merupakan antara cara terbaik yang digunakan untuk melihat tingkah laku gambaran tentang fenomena yang dikaji. Pemerhatian membolehkan penyelidik mengalami aktiviti-aktiviti dan pengalaman sebenar pembelajaran kemahiran membaca teks. Data pemerhatian direkodkan menggunakan protokol pemerhatian dan dirakam menggunakan alat perakam video. Analisis dokumen merupakan antara sumber data dalam kajian kualitatif. Dokumen terdiri daripada bahan bertulis DSKP (Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran), buku rekod mengajar guru dan dua buah teks yang dibaca oleh responden kajian. Sumber data yang digunakan dalam kajian merupakan adaptasi daripada Yahya Othman¹⁷

Pengumpulan data hanya melibatkan sebuah sekolah sahaja di bawah Jabatan Agama Islam Selangor di daerah Hulu Langat iaitu Sekolah Rendah Agama Integrasi Pekan Beranang. Pemilihan lokasi dibuat berdasarkan kriteria peserta yang dipilih secara bertujuan. Dalam kajian ini, responden terdiri daripada enam orang murid. Mereka merupakan murid tahun empat terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Peserta kajian telah dipilih oleh guru panitia Bahasa Melayu dan guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan peserta kajian ini

¹⁷ Yahya Othman, *Proses & Strategi Membaca Berkesan* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2008), 132.

berdasarkan gred keputusan Bahasa Melayu dalam peperiksaan pertengahan tahun darjah 3. Peserta yang dipilih ialah murid yang mendapat gred B dan C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Mereka dikenali sebagai Responden 1 (R1), R2, R3, R4, R5, dan R6. Pengkaji menggunakan dua buah teks untuk dibaca oleh responden kajian. Teks pertama diambil dalam akhbar Didik Utusan Malaysia bertarikh pada 7 hb. Ogos 2016. Teks berbentuk petikan biografi. Teks kedua pula, berbentuk petikan fakta yang disiarkan dalam akhbar Didik Utusan Malaysia bertarikh 18hb. September 2016.

Instrumen Kajian

Kajian kes berbentuk kualitatif ini menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual dan analisis data bagi tujuan mendapatkan data. Temu bual merupakan teknik pengutipan data yang melibatkan interaksi bersemuka (*face to face*). Temu bual dianalisis melalui transkripsi temu bual. Manakala protokol temu bual adalah senarai yang mengandungi soalan yang akan dikemukakan dalam sesi temu bual yang dijalankan. Protokol temu bual yang dibina mengandungi soalan-soalan berkaitan kemahiran membaca.

Perbincangan Dapatan

Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji membincangkan strategi metakognitif yang digunakan oleh responden semasa membaca teks karangan. Kemahiran membaca secara metakognitif meliputi perancangan secara sedar dan fleksibel yang diaplikasikan oleh pembaca terhadap teks bagi tujuan tugas yang pelbagai. Pembaca secara sedar menggunakannya untuk pemahaman yang lebih baik dan mengingati perkara yang dibaca.

Sehubungan itu, Baker dan Brown, melihat kebolehan metakognitif seseorang berkaitan dengan proses membaca. Mereka menyatakan bahawa jika pembaca sedar tentang keperluan untuk lebih memahami teks, maka dia mungkin mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memenuhi keperluan itu pada tahap lebih tinggi. Sebaliknya, jika mereka tidak sedar tentang batasan keupayaan atau kesukaran untuk melaksanakan sesuatu tugas membaca, mereka akan menemui kesukaran untuk mendapatkan langkah pembaikan bagi mengatasi kelemahan dan menyelesaikan masalah tersebut.

I. Perancangan Membaca

Perancangan yang dilakukan sebelum membaca mempengaruhi pemahaman teks pembaca. Kesedaran sendiri melihat sejauh mana responden kajian sedar terhadap tujuan membaca, keupayaan memahami berdasarkan kekuatan, kelemahan, pengetahuan sedia ada, dan minat. Responden sedar sama ada isi teks yang dibaca berkaitan dengan minat dan kegemaran atau sebaliknya. Berdasarkan maklumat yang diberi oleh responden, R1 dan R4 sahaja menyatakan penting untuk memahami sesuatu teks untuk memudahkan mereka menjawab soalan yang akan dikemukakan oleh guru. Dalam hal ini, R2, R3, R5, dan R6 kurang memahami tujuan merancang sebelum membaca. Setelah diberi maklumat mengenai pentingnya merancang barulah semua responden telah menetapkan matlamat yang khusus iaitu merancang agar pembacaan yang boleh membantunya memahami teks yang sukar dengan lebih mudah. Ia beranggapan merancang bacaan sebagai keperluan dalam pemahaman. Contoh responden memikirkan pentingnya merancang sebelum proses membaca teks untuk membantu pemahaman.

“Saya perlu tahu tujuan membaca teks ini”. (R1 dan R4)

Antara strategi metakognitif yang digunakan dalam merancang bacaan ialah menulis idea penting.

• Menulis Idea Penting

Pembaca teks perlu mengetahui dan menggunakan strategi ini agar dapat memberikan kesan terhadap pemahaman. Pemilihan idea penting daripada teks memerlukan pembaca membaca dengan teliti dan mampu untuk membina skema dalam ingatan jangka panjang. Oleh itu, pentingnya responden mengenal pasti kepentingan isi menunjukkan pembaca memahami teks dengan lebih baik. Contoh responden memikirkan pentingnya idea penting teks untuk membantu pemahaman.

“Isi penting perlu difahami supaya mudah untuk memahami keseluruhan teks.” (R5)

Jadual 1: Merancang kesedaran sendiri

Kesedaran tugasan	Dapatan Kajian
Tujuan membaca	“Guru meminta murid membaca teks dan mengenal pasti isi-isi penting”. Guru berharap murid menyenaraikan isi penting supaya faham teks yang diberi. “Saya akan menyenaraikan isi penting yang diminta oleh guru”. (R3)
Berhati-hati dengan teks	“Saya akan cuba bertanya pada diri sendiri apakah yang dimaksudkan dengan fruktosa.” Soalan yang dikemukakan dapat membantu memahami kosa kata yang sukar. (R4)

II. Pemantauan Ketika Membaca

Dapatan kajian menunjukkan responden tidak menggunakan kesedaran teks yang berupaya pembaca mengenal pasti dan memahami kosa kata dan ejaan yang digunakan dalam teks. Setelah diberi pendedahan menggunakan strategi kemahiran metakognitif, responden kajian menyedari keperluan memahami kosa kata dan ejaan yang terdapat dalam teks. Kosa kata dalam sesebuah teks berperanan sebagai medium bagi menerangkan kandungan teks yang dibaca. Kosa kata terutama kata pinjaman yang sukar difahami mengakibatkan responden kajian (R3) menyedari akan sukarnya memahami teks tersebut dengan baik. Berdasarkan pembacaan teks, responden 3(R3) menyatakan teks yang dibacanya agak sukar difahami disebabkan kosa kata yang digunakan banyak merujuk kepada laras bahasa sains. Dapatan kajian berkaitan kesedaran teks tersebut dinyatakan seperti di bawah.

“Saya tak berapa faham perkataan aurikel kanan, aurikel kiri, ventrikel kanan, dan ventrikel kiri.” (R3)

Responden juga mendapati aspek pemantauan teks dapat memberikan kesan yang lebih mendalam terhadap kualiti pemahaman membaca. Pemantauan bacaan meletakkan tugas pembaca semakin mencabar kerana pembaca perlu meletakkan dirinya sebagai peneliti yang cekap bagi menentukan sejauh mana pembacaan yang dilakukan berada pada landasan yang betul.

- **Mengulang Bacaan**

Strategi mengulang bacaan dilakukan oleh pembaca untuk tujuan memahami teks yang dibaca. Mengulang bacaan dilakukan oleh pembaca untuk tujuan memahami kandungan teks yang dianggap sukar. Pembaca membaca ayat yang mengandungi perkataan sukar beberapa kali dan masih lagi apabila tidak dapat memahaminya akibat tidak pernah mendengarnya ataupun tidak dijelaskan di dalam ayat tersebut. Kesukaran memahami sesuatu fakta yang melibatkan istilah serta konsep memerlukan mereka mengaitkan dengan pengetahuan lalu.

Justeru itu, strategi mengulang bacaan dilakukan oleh responden kajian untuk tujuan memahami teks yang dibaca seperti yang dinyatakan di bawah:

“Saya susah nak faham bila sekali membaca...” (R4)

Setelah guru memberitahu supaya perlunya membaca secara berulang untuk pemahaman yang lebih baik.

“Saya terpaksa ulang beberapa kali petikan yang sukar...”
(R4)

Mengulang bacaan dilakukan oleh responden kajian untuk memahami kandungan teks dianggap sukar. Responden kajian membaca ayat yang mengandungi perkataan sukar beberapa kali tetapi masih lagi tidak memahaminya disebabkan tidak pernah mendengarnya ataupun tidak dijelaskan di dalam ayat tersebut (R4). Kesukaran memahami sesuatu fakta yang melibatkan istilah serta konsep memerlukan mereka mengaitkan dengan pengetahuan lalu. Kesedaran untuk menguasai kandungan teks akademik serta kemampuan untuk mengawal proses tersebut dapat mempengaruhi pemahaman pembaca terutamanya dalam menggunakan strategi pengulangan.

- **Menggunakan Kamus**

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, R4 hanya berdiam diri ketika memahami kandungan teks yang dianggap sukar. Setelah diberi tahu, responden perlu merujuk kamus untuk merujuk kosa kata atau istilah yang sukar ini dapat membantu responden memahami teks yang sukar dengan mudah. R4 menyatakan bahawa:

“Dengan merujuk kamus untuk mencari kosa kata atau istilah dapat membantu memahami teks dengan mudah.” (R4)

Oleh itu, strategi menggunakan kamus sebagai cara yang paling sesuai untuk responden memahami perkataan yang sukar.

Bagi Omrod, pembelajaran yang efektif termasuk membaca, memerlukan kesedaran yang tinggi terhadap masalah pembelajarannya. Jika bertemu dengan perkataan yang sukar, walaupun memerlukan masa untuk memahami perkataan tersebut pembaca perlukan kesedaran untuk mengetahui maksud perkataan tersebut.

- **Peta Minda**

Dapatan kajian menunjukkan, responden tidak menggunakan strategi peta minda untuk memahami teks. Kesemua responden (R1,R2,R3,R4,R5, dan R6) tidak tahu dengan menggunakan peta minda dapat membantu memahami teks dengan baik. Setelah diberi penerangan oleh guru, pengkaji mendapati responden mengakui keberkesanan menggunakan peta minda. Apabila pembaca berhadapan dengan maklumat yang sukar, ia perlu menyatakan semula dalam bentuk pemahaman dan yang paling terbaik ialah melakarkan dalam bentuk peta minda. Penggunaan peta minda dapat membantu dan menggambarkan bacaan secara aktif dan galakan berfikir secara kritis.

“Peta minda dapat membantu saya memahami keseluruhan teks.” (R1 dan R5)

- **Melangkau Ayat**

Pembaca juga sedar akan keupayaan strategi melangkau ayat yang terdapat dalam teks yang sukar difahami. Tidak semua ayat yang terdapat di dalam teks yang dibaca difahami terutama jika terdapat beberapa perkataan yang sukar atau konsep yang baru ditemui. Dalam keadaan tertentu. Pembaca tidak akan melangkau bacaan jika teks yang dibaca berbentuk fakta kerana dikhuatiri akan mengurangkan penguasaan maksud teks. Walau bagaimanapun, terdapat juga pembaca yang menganggap strategi melangkau ayat tidak membantu mereka dalam meningkatkan pemahaman. Mereka berpendapat strategi tersebut boleh mengganggu keseluruhan pemahaman mereka. Dapatan kajian di bawah menunjukkan kesedaran responden terhadap strategi metakognitif melangkau ayat.

“Saya baca semua isi teks dan tak pernah langkau...” (R1)

“Kalau saya langkau, macam mana nak faham isi teks?” (R2)

“Kita kena baca semua untuk faham teks, kalau langkau susah nak faham...” (R3)

“Saya jarang langkau tapi kalau susah terpaksa langkau juga...” (R4)

III. Penilaian Bacaan

Responden kajian juga sedar bahawa pentingnya menilai tahap kefahaman tugas teks yang dibaca. Menilai kesedaran tugas meliputi tugas dan arahan yang perlu dilakukan pembaca semasa membaca. Kesedaran tersebut membantu responden memahami teks yang dibaca. Jadual 4 menunjukkan contoh kesedaran tugas yang ditunjukkan responden kajian. Dapatan menunjukkan wujudnya kesedaran terhadap tugas semasa membaca teks. Hal ini menunjukkan responden mengambil berat terhadap aspek yang perlu dikuasai supaya mereka memahami dengan lebih berkesan.

Jadual 2: Menilai kesedaran tugas

Kesedaran tugas	Dapatan Kajian
Tetapkan matlamat	“Saya perlu memahami teks yang dibaca supaya mudah untuk menjawab soalan pemahaman.” (R1)
Perlu memahami	“Kalau saya baca tapi tak faham, macam mana saya nak jawab soalan?” (R2)

• Membuat Andaian

Proses membaca sering dikaitkan dengan perasaan ingin tahu dengan membuat andaian berasaskan teks yang dibaca. Dengan cara ini, responden dapat membuat agakan maksud yang paling hampir berasaskan kesukaran yang dihadapi. Kebanyakan pembaca membuat andaian ketika membaca teks berbentuk naratif yang dapat memberi peluang kepada pembaca untuk menjangkan kesudahan cerita. Selain itu, strategi mengandaikan juga digunakan oleh responden untuk tujuan memahami teks jenis fakta. Walau bagaimanapun, R3 dan R4 menyatakan agak sukar untuk membuat andaian bagi teks yang berbentuk fakta seperti dalam petikan 3 dan 4.

“Dalam petikan ini (teks 3 dan 4) R3 dan R4, lebih fokus kepada sains kerana banyak istilah yang saya tidak faham”.

Ketika proses membaca pembaca juga menggunakan strategi metakognitif semasa membaca teks dengan membuat andaian berasaskan teks yang dibaca. Dengan cara ini, pembaca dapat membuat agakan maksud yang paling hampir berasaskan

kesukaran yang dihadapi. Kebanyakan pembaca membuat andaian ketika membaca teks berbentuk naratif yang dapat memberi peluang kepada pembaca untuk menjangkakan kesudahan cerita.

• **Mempertahankan Pemahaman**

Dalam proses mengingat kandungan teks, responden kajian (R3 dan R4) membaca untuk mempertahankan pemahaman bacaannya agar dapat memudahkannya mengingat fakta yang terkandung di dalam teks.

“Saya perlu mencari isi penting dan mengingat supaya mudah menjawab soalan pemahaman.” (R3 dan R4)

Pembaca berusaha mempertahankan dan memahami isi penting sebagai matlamat utama. Hal ini juga selaras dengan teori pemprosesan maklumat yang menekankan pentingnya usaha mengingat kandungan teks yang dibaca. Secara umumnya, pembaca teks akademik berusaha untuk mempertahankan pemahaman teks untuk tujuan tugas dan peperiksaan.

• **Bayangan Mental**

Refleksi semasa membaca yang dilakukan oleh pembaca dapat mengukuhkan kefahaman pembaca. Contohnya seperti dapatan temu bual oleh R1 dan R2.

“Semasa membaca saya memikirkan Cikgu Sabtu seorang guru yang aktif dan berdedikasi.” (R1 dan R2)

Apabila membaca sesuatu konsep yang sukar difahami, pembaca menggunakan kekuatan mindanya untuk membayangkan maksud yang terkandung di dalam teks tersebut. Contohnya responden membayangkan Cikgu Sabtu seorang guru yang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan prestasi sekolah. Dalam hal ini, pembaca perlu tekal dalam menetapkan maksud teks tersebut ke dalam mindanya. Pembaca juga perlu mahir dalam membayangkan pemahamannya dengan membuat perkaitan makna dengan pengetahuan lalu yang dimilikinya.

Sehubungan itu, Larson menjelaskan kesan membaca teks dan keupayaan membuat andaian terhadap kandungan yang tidak sesuai dengan maksud teks yang dibaca. Pembaca yang berkesan mampu menyatakan pertentangan dari segi makna yang wujud antara pengetahuan lalu yang dimilikinya dengan kandungan teks yang dibaca.

Penutup

Kemahiran membaca dan memahami teks wajar dikuasai oleh setiap individu dan tidak harus dipandang mudah oleh setiap murid. Pengkaji membuat kesimpulan daripada dapatan kajian kepada tiga peringkat pelaksanaan strategi membaca iaitu peringkat perancangan, pemantauan dan penilaian. Peringkat-peringkat tersebut meliputi pernyataan kesedaran metakognitif yang digunakan semasa membaca. Pembaca bersedia dengan merancang bacaan supaya maklumat yang dikehendaki dapat difahami dengan mudah. Pembaca bebas melakukan proses membacanya dengan matlamat yang mereka tetapkan sendiri. Aspek pemantaun teks juga dapat memberikan kesan yang lebih mendalam terhadap proses membaca. Selain itu, aspek penilaian juga unsur penting dalam pelaksanaan strategi metakognitif. Pendedahan yang dilakukan secara berterusan akan membantu pembaca meningkatkan lagi keupayaan untuk memahami teks.

Keupayaan menimba ilmu daripada teks atau bahan yang dibaca itu tidak akan terjadi sekiranya seseorang murid itu tidak mempunyai strategi kemahiran membaca secara metakognitif. Apabila seorang murid itu mempunyai strategi kemahiran membaca, sudah tentu mereka dapat memahami dan menguasai sesuatu teks dengan baik, mudah dan cepat. Oleh itu, setiap murid perlu mengetahui strategi kemahiran membaca yang betul kerana kemahiran ini amat penting dalam proses pembelajaran. Selain itu, membaca adalah proses berfikir yang melibatkan pemikiran eksplisit dan implisit, menghubungkan idea dengan maklumat yang baharu dalam situasi yang baharu. Pembaca perlu memikirkan sama ada ia memahami isi kandungan teks yang dibaca atau sebaliknya. Hal ini, merupakan kesedaran strategi metakognitif yang diwujudkan oleh pembaca dalam usaha memahami teks. Justeru, penggunaan strategi yang betul berkaitan dengan kesedaran membaca secara metakognitif juga mampu meningkatkan pemahaman sesuatu teks secara eksplisit dan implisit. Pemilihan strategi juga dapat membantu pembaca merancang dan seterusnya menilai sejauh mana pemahaman bacaannya.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, "Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah di Luar Bandar," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1, no. 1 (Mei 2011), 1-12.
- Al-Quran Al-Karim Rasm Uthmani, terjemahan Bahasa Melayu Beserta Keterangan Ayat*. Ipoh, Perak: Buku-buku, 2010.
- Beyer, Barry K. *Practical Strategies for the Teaching of Thinking*. Boston: Allyn and Bacon, 1987.
- Ismail Rosnah. "Kesan Pembelajaran Koperatif STAD ke atas Sikap, Kesedaran Metakognisi, Atribusi Pencapaian, dan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Pengetahuan Agama Islam". Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.
- J. H, Flavell. *Metacognitive Aspect og Problem Solving*. In: *Resnick, L. B. ed. The Nature of Intelligence*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum, 1976.
- Merriam, Sharan B., *Qualitative Reasearch in Ractice: Example for Discussion and Analysis*. San rancisco: Jossey-Bass, 2002.
- Nur Aisyah Mohamad, "Tahap Kemahiran Metakognitif Murid Tingkatan Empat dalam Pembelajaran Bahasa Melayu," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM4*, no 1 (2014).
- Radha Nambiar, Noraini Ibrahim dan Pramela Krish, "Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Kalangan Pelajar Tingkatan," *Jurnal Bangi* 2008), 3 (3): 1-17.
- Surat Shahlan. "Keberkesanan Strategi 4-Meta dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan 4". Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi Hamat, "Faktor dan Kesan Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1) (2011), 89-107.
- Yahya Othman dan Datang Raini Pakar, "Keberkesanan Strategi Metakognitif dalam Pengajaran Bacaan dan Kefahaman Menggunakan Teks Ekspositori," *Gema Online Journal of Language Studies* 13, (3) (2013), 133-148.
- Yahya Othman. *Proses & Strategi Membaca Berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2008.
- Yahya Othman. *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2005.